

## UMP terus tradisi gotong-royong sedia juadah berbuka

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mengekalkan tradisinya di bulan Ramadan dengan bergotong-royong menyediakan juadah berbuka puasa dan berbuka puasa secara percuma di kedua-dua kampus di Gambang dan Pekan.

Judah berbuka puasa dihidangkan menggunakan talam kepada warga kampus yang berbuka puasa di Masjid UMP.

Naib Canselor UMP, Prof Dato

Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, penyediaan juadah berbuka puasa disediakan dengan kuantiti sebanyak 1400 pelajar manakala untuk juadah sahur disediakan di antara 200 hingga 300 orang mahasiswa di UMP Gambang dan Pekan hasil sumbangan dana Endowmen MyGift UMP.

“Sumbangan ini merupakan hasil pengumpulan sumbangan dana, tajaan orang perseorangan, badan korporat dan orang ramai

menerusi inisiatif MyGift yang diperkenalkan di universiti ini untuk manfaat mahasiswa.

“Ini termasuklah pengurusan petyediaan juadah berbuka puasa (Iftar), moreh dan sahur sepanjang bulan Ramadan ini,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin), Dr Mahyudin Ismail.